

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI JOHOR
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH
YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**11 JULAI 2019
BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD
KOTA ISKANDAR**

Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal
Menteri Besar Johor Darul Takzim

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien
Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Yang Berhormat Dato' Ishak bin Sahari
Penasihat Kerajaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin
Pegawai Kewangan Negeri Johor

Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan di peringkat Negeri dan
Persekutuan

Tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari yang saya hormati
sekalian.

1. Alhamdulillah saya panjatkan rasa syukur kerana pada pagi ini saya dan kepimpinan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dapat turun ke Negeri Johor untuk bersama-sama dalam satu wacana yang penting untuk melihat bagaimana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat membantu membangunkan Negeri Johor dan rakyat Negeri Johor.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada YAB Dato' Dr. Sahrudin bin Jamal, Menteri Besar Negeri Johor yang telah menampilkan kepimpinan untuk terus meneraju Negeri Johor berdasarkan *Blue Print* Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor (2019-2030). Kehadiran YAB Dato' Menteri Besar yang baru ini Alhamdulillah telah memperkukuhkan hubungan kerja di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor.

3. Libat urus antara Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri merupakan satu proses yang amat penting dalam usaha kita untuk menggubal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

4. Pelan pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang merangkumi tempoh 2021 hingga 2025 digubal untuk menjamin pembangunan sosio-ekonomi yang mampan dan saksama. Pelan ini meliputi pembangunan wilayah yang seimbang supaya pertumbuhan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada sesuatu wilayah atau negeri sahaja.
5. Ini adalah selaras dengan dasar yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei 2019 yang lalu di mana YAB Perdana Menteri telah melontarkan satu gagasan baharu iaitu Gagasan Kemakmuran Bersama sebagai iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan dan inklusif.
6. Sebagai falsafah yang mendasari Rancangan Malaysia Kedua Belas, prinsip Kemakmuran Bersama didukung sepenuhnya oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi demi menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pengagihan kekayaan negara yang saksama serta meningkatkan kuasa beli rakyat, dan seterusnya mengangkat Malaysia sebagai kuasa ekonomi serantau dan

muncul semula sebagai Harimau Asia InsyaAllah.

Tiga objektif utama gagasan matlamat ini:

Pertama

- a. Merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan, kaum dan wilayah bagi membawa bersama rakyat yang ketinggalan supaya terbela dan diperkasa untuk menangani ketidaksamaan;

Kedua

- b. Membangunkan sebuah ekonomi yang terstruktur semula, progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi melalui penyertaan masyarakat yang menyeluruh di seluruh negara.

Dan yang ketiga

- c. Membina Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

7. Negeri Johor harus mengambil peluang daripada keanggotaannya dalam Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) kerana daerah Mersing, Segamat termasuk dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

8. ECERDC berperanan sebagai *one stop facilitation centre* dalam menguruskan aktiviti-aktiviti pelaburan Pantai Timur. ECERDC dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pantai Timur sepanjang jajaran projek East Coast Rail Link ataupun (ECRL) yang telahpun diputuskan oleh Kerajaan untuk meneruskan projek ini setelah pihak pemaju bersetuju untuk mengurangkan kos pembinaan sebanyak RM20 bilion.
9. Walau bagaimanapun, ECERDC turut memberi penekanan kepada peri pentingnya pembangunan yang seimbang (*balanced development*) antara keperluan infrastruktur kesalinghubungan ataupun (*connectivity*) dengan pemberdayaan sumber manusia dan kepentingan pelabur-pelabur asing dan domestik.
10. Dalam konteks ini, YAB Menteri Besar sebentar tadi dalam pertemuan awal telah menzahirkan keperluan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan peruntukan bagi menaik taraf jalan daripada Cahaya Baru ke Desaru sejauh 28 kilometer. Dan satu lagi cadangan yang dikemukakan ialah Lebuhraya Utara Selatan daripada Ayer Hitam ke Johor Bahru yang

mengalami kesesakan yang luar biasa walaupun di luar waktu puncak. Kedua-dua cadangan awal ini akan diteliti oleh Kementerian untuk mendapat maklum balas dan pertimbangan yang selanjutnya.

11. Negeri Johor seperti yang telah dinyatakan tadi mempunyai kedudukan yang strategik dalam ekonomi Malaysia kerana Johor merupakan penyumbang yang ke-4 terbesar kepada KDNK negara. Pada tahun yang lalu Johor menyumbang sebanyak 9.3% dan dijangka sumbangan ini akan terus dinaikkan pada tahun-tahun berikutnya. Dalam libat urus ini, kita perlu memberi fokus kepada beberapa kawasan strategik dan isu yang mendesak dan memerlukan penyelesaian segera dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
12. Antaranya kita perlu tumpu kepada industri-industri strategik yang wujud di Negeri Johor.

13. Terminal Laut Dalam Pengerang (*Pengerang Deepwater Terminals*, PDT) di Tenggara merupakan sebuah pelabuhan laut dalam semula jadi. Terminal ini terletak di sepanjang laluan perkapalan antarabangsa yang tersibuk di dunia, berhampiran dengan Singapura yang merupakan pusat utama penapisan minyak dan petrokimia di Asia Tenggara.
14. Sehingga hari ini, PDT telah menarik pelaburan lebih daripada RM12 bilion dan merupakan salah satu pemangkin kepada projek RAPID milik PETRONAS, yang bernilai lebih RM100 bilion.
15. PDT berpotensi besar untuk menjadi salah sebuah pusat utama pemprosesan petroleum dan petrokimia di rantau Asia Pasifik dan mampu menarik lebih banyak pelaburan di dalam bidang penapisan minyak, pemprosesan petrokimia serta aktiviti perdagangan berkaitan minyak dan gas.
16. Lokasi strategik PDT juga memberi kelebihan untuk menarik lebih banyak pelaburan, terutamanya dari negara-negara OECD yang memilih PDT sebagai rizab penyimpanan minyak strategik mereka di rantau Asia Pasifik.

17. Sebagai sebuah negara pengeluar minyak dan gas, Malaysia berada di kedudukan yang kukuh untuk terus memperkasakan sektor hiliran terutamanya dalam industri pembuatan berasaskan minyak dan gas.
18. Negara-negara lain seperti Singapura, Taiwan dan Korea Selatan telah menunjukkan bahawa tanpa khazanah sumber tenaga asli, mereka juga mampu membangunkan sektor minyak, gas dan petrokimia tersendiri dengan membina nilai tambah dalam sektor pembuatan negara masing-masing. Maka Negeri Johor mempunyai peluang yang amat cerah untuk mendapak industri yang strategik ini.
19. Untuk menjadikan PDT lebih efisien dan kompetitif, setanding dengan Pulau Jurong serta untuk menarik lebih banyak pelaburan asing, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri harus menggembeleng tenaga mengenal pasti sokongan serta insentif yang bersesuaian.
20. Pemerksaan PDT turut akan menjadi pemangkin kepada aktiviti perdagangan, kejuruteraan, pembinaan, operasi, penyelenggaraan dan logistik khususnya di Negeri Johor.

21. Pembangunan yang pesat di PDT juga akan membawa limpahan ekonomi kepada negara dan akan mencipta peluang pekerjaan baru yang berpendapatan tinggi untuk rakyat Johor dan rakyat Malaysia.
22. Bagi memacu sektor petroleum dan industri petrokimia negara ke hadapan, pembangunan Zon Ekonomi Minyak dan Petrokimia Pengerang, Kuantan dan Kerteh harus diberikan pertimbangan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi ulung pelaburan minyak, gas dan petrokimia di rantau ini.
23. Kerajaan juga amat prihatin dengan keperluan lebih 350,000 rakyat di Johor yang menghadapi masalah kesesakan yang luar biasa di Bangunan Sultan Iskandar di Senai dan Kompleks Sultan Abu Bakar di Johor Bahru setiap hari.
24. Bagi menyelesaikan masalah kesesakan ini, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kabinet Kajian Cadangan Penubuhan Badan Tunggal Menjaga Sempadan Negara dan Pintu Masuk Termasuk Pelabuhan-Pelabuhan telah diadakan pada 3 Julai 2019. Mesyuarat ini telah memutuskan untuk melaksanakan langkah-langkah

penambahbaikan untuk Jangka Pendek dan Jangka Panjang.

25. Dan antara strategi Jangka Pendek adalah pembukaan lebih banyak kaunter *Malaysian Automated Clearance System* (MACS) dan penambahan waktu bekerja dan strategi Jangka Panjang pula melibatkan penambahbaikan prasarana imigresen dan penambahan kaunter untuk motosikal dan lori.
26. Walau bagaimanapun dalam *Leaders Summit* di antara Kerajaan Republik Singapura dengan Malaysia baru-baru ini kita telah bersetuju untuk memberi tempoh selama enam bulan sehingga penghujung tahun ini bagi mengenal pasti apakah penyelesaian jangka panjang untuk menangani kesesakan ini termasuk pembinaan infrastruktur baru yang dipersetujui oleh kedua-dua negara.
27. Dalam konteks ini saya berharap Kerajaan Negeri Johor dapat membantu Kerajaan Persekutuan untuk mengenal pasti apakah *opsyen* yang ada selain daripada RPS yang telah dicadangkan sebelum ini bagi penyelesaian krisis ini. Kerajaan Persekutuan melihat RPS tidak dapat

menyelesaikan masalah sebenar kesesakan ini kerana RPS tidak menyelesaikan masalah *first mile* bermula RPS yang dicadangkan. Sebab itu YAB Perdana Menteri telah meminta supaya satu penyelesaian secara komprehensif bagi menyelesaikan masalah ini kerana ini amat membebankan rakyat Johor yang bekerja di Singapura.

28. Kerajaan juga komited untuk memperkasa infrastruktur sumber air mentah melalui inisiatif yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk memenuhi permintaan keperluan dan kemudahan industri dan domestik demi mencapai matlamat *zero dependency* terhadap bekalan air terawat. Pembinaan loji rawatan air yang perlu dibincangkan segera untuk menambah kapasiti pengeluaran air terawat bagi keperluan Negeri Johor.
29. Kerajaan Persekutuan turut memandang berat pembangunan sukan yang mempunyai peranan yang strategik dalam kesepaduan sosial. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi atas arahan YAB Menteri Besar telah meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM142 juta kepada Kerajaan Negeri Johor melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi Projek Pembangunan Kemudahan Sukan

untuk Sukan Malaysia Ke-20 di Negeri Johor iaitu SUKMA 2020. Sebentar tadi YAB Menteri Besar menyatakan satu lagi surat menyatakan RM142 juta tidak cukup, dia minta tambahan, jadi saya tengok perbincangan hari ini kalau beliau boleh meyakinkan Kementerian saya akan mempertimbangkan.

30. Saya yakin sokongan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Johor dalam hal ini dapat memberikan impak positif kepada perpaduan negara dan jati diri anak muda.

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian,

31. Kita juga mengambil maklum bahawa pemulihan alam sekitar merupakan satu teras strategi dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Ini adalah sejajar dengan United Nations Sustainable Development Goals 2030. Insiden di Sungai Kim Kim dan Pasir Gudang perlu menjadi pengajaran kepada kita semua. Saya berharap Jabatan dan Agensi Kerajaan semua, sama ada di peringkat Negeri mahupun Persekutuan harus mengambil langkah yang lebih proaktif untuk berbincang apakah penyelesaian jangka

panjang untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat di Negeri Johor.

32. Dalam konteks ini, Kementerian akan memberikan perhatian yang serius dan pagi ini saya telah berbincang dengan YB Menteri MESTECC; YB Saudari Yeo Bee Yin untuk melihat bagaimana kedua-dua kementerian bersama dengan Kerajaan Negeri dapat menangani isu ini untuk masa panjang. Kerajaan tidak akan sama sekali *compromise* terhadap mana-mana pihak yang telah

kedudukan rekod dan prestasi Kerajaan Negeri InsyaAllah semangat ini harus dipertingkatkan dengan kerjasama yang lebih kukuh antara Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Kerajaan Negeri.

34. Saya berharap perbincangan kita pada pagi ini akan dapat melahirkan beberapa pandangan baru yang produktif yang dapat membangunkan Negeri Johor dan rakyat Negeri Johor bagi melaksanakan agenda Kemakmuran Bersama untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan kekayaan dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia termasuk Bangsa Johor.

Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.